

03/02/1999

Wakil tunggal MCA dijangka pertahan kerusi

KUALA LUMPUR, Selasa - Wakil tunggal MCA di Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah, Datuk Chau Tet On dijangka dicalonkan untuk mempertahankan kerusinya pada pilihan raya umum negeri akan datang.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata Chau yang mewakili DUN Api-Api, adalah calon terbaik untuk mempertahankan kerusi yang dimenangnya dalam pilihan raya negeri Sabah 1994.

"Saya percaya beliau ialah calon terbaik untuk MCA, kerana dia bukan saja penyandang kerusi tetapi pengerusi MCA negeri," katanya pada sidang akhbar untuk mengumumkan program 'Senaman Raksasa Patriotik' di ibu pejabat MCA di sini, hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan acara itu, yang dihadiri kira-kira 5,000 anggota Persatuan Taiji Qi Gong Pattern 18 serta Persatuan Waitankung dan Neitanking di Dataran Merdeka, pada 7 Mac ini.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan, berkata jika Chau terpilih untuk mempertahankan kerusi DUN itu, ia akan menandakan pembabitan MCA buat pertama kalinya dalam pilihan raya negeri Sabah.

Pada pilihan raya negeri 1994, Chau bertanding atas tiket Parti Bersatu Sabah (PBS) tetapi menyertai MCA selepas itu.

Bagaimanapun, Dr Ling mengingatkan bahawa pemilihan calon bagi pilihan raya kali ini masih belum dibuat.

Ditanya sama MCA akan diberi sebarang kerusi DUN tambahan, beliau menegaskan parti itu akan mematuhi sebarang keputusan yang dibuat oleh Barisan Nasional (BN).

Beliau juga melahirkan sokongan MCA terhadap mana-mana calon yang dipilih untuk bertanding dalam pemilihan Sabah kali ini.

"Sama ada sebarang kerusi akan diperuntukkan kepada MCA Sabah bukannya menjadi persoalan utama, sebaliknya apa yang penting ialah kami akan membantu BN Sabah dalam pilihan raya berkenaan," katanya.

(END)